

# Sembilan identiti serlahkan keunikan Negeri Sembilan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.na@mediamula.com.my

**SEREMBAN:** Jika disebut Adat Perpatih, umum mengetahui ia diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

Sesuai dengan julukan Negeri Beradat, kerajaan Negeri Sembilan telah meletakkan Adat Perpatih dalam senarai Sembilan Identiti Negeri Sembilan.

Adat Perpatih mempunyai beberapa ciri yang dibenarkan tumpuan dalam pengamalannya termasuklah meliputi aspek agama Islam; pemimpin dan kepemimpinan; persempadanan adat dan luak; kekerabatan matrilineal dan persukuhan; pemilikan harta serta seni budaya.

Bagi memperkasa dan mempromosikan Adat Perpatih, kerajaan negeri telah menganjurkan acara khas iaitu Perpatih Fest dan telah dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun pada bulan Jun lalu.

Menteri Besar turut melancarkan Sembilan Identiti Negeri Sembilan yang secara langsung memberi pengenalan kepada masyarakat umum mengenai adat dan budaya yang dimiliki masyarakat negeri ini.

Ini termasuk Rumah Tradisional Bumbung Panjang disenaraikan di bawah kategori seni bina. Keunikan reka bentuk dan seni bina Negeri Sembilan yang melambangkan pengamalan Adat Perpatih telah mempamerkan lagi identiti negeri.

Bagi kategori makanan tradisional pula, Gulai Kuning juga menjadi salah satu identiti Negeri Sembilan. Bahan-bahan utama dalam masakan ini merupakan simbolik bagi menyediakan gulai kuning iaitu santan, cili padi kampung (*capsicum frutescens*) serta kunyit hidup yang menjadikan masakan tersebut berwarna kuning.

Pada November 1977, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan telah memutuskan Masak Lomak Lado Api menjadi identiti Negeri Sembilan dan diangkat semula sebagai salah satu identiti negeri dan dinamakan Gulai Kuning.

Turut berada dalam senarai sebagai identiti Negeri Sembilan adalah Baju Melayu Cekak Musang di bawah kategori busana tradisional lelaki. Bagi busana tradisional wanita pula, ia



**PEMAKAIAN** Baju Kurung Ibu Soko dan telepok (tengkolok) daripada kain batik lepas di kepala ditampilkan pada pelancaran 9 Identiti Negeri Sembilan di Seremban Jun lalu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

menyenaraikan Baju Kurung Ibu Soko, Baju Kebaya Setengah Tiang dan Baju Kurung Pengantin Negeri Sembilan.

Baju Melayu Cekak Musang merupakan pakaian digunakan oleh kaum lelaki di Negeri Sembilan dan dipadankan dengan songkok dalam majlis-majlis agama dan tidak rasmi manakala penggunaan destar sewaktu menghadiri majlis-majlis adat istiadat seperti di istana.

Bagi kategori bunga pula, Bunga Lada menjadi identiti Negeri Sembilan. Berwarna putih, mempunyai kelopak daun, lima kelopak bunga, lima stamen dan stigma, Bunga Lada atau Lado dalam sebutan masyarakat Negeri Sembilan melambangkan keunikan yang terdapat di negeri ini.

Sembilan Identiti Negeri Sembilan juga mempunyai kategori permainan tradisional dan permainan Gasing Negeri Sembilan dan Dam Harimau berada dalam senarainya.

Caklempong pula menjadi identiti Negeri Sembilan dalam kategori muzik. Ia dikatakan berasal dari Sumatera Barat, Indonesia dan dibawa oleh Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan pada awal abad ke-14.

Kategori tarian pula mengangkat Tarian Piring Lambung sebagai identiti Negeri Sembilan. Setiap gerak tarinya melambangkan kehidupan masyarakat Negeri Sembilan.

Tarian ini diiringi oleh alat muzik Salong dan Caklempong (rebana, gong dan gereteh) serta gitar bass dan kostum penarinya menggunakan pola baju berasaskan baju randai tetapi diubah suai mengikut konsep masyarakat Melayu dan bersekar tiga suku yang melambangkan gaya petani di Negeri Sembilan.

Sebanyak enam buah lagi terbitan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) pula turut disenaraikan dalam Sembilan Identiti Negeri Sembilan.

Enam lagu tersebut adalah Moh Dogheh (Aishah), Orang Kito (Ito), Lambaian Negeri (Aishah) Pepatah Petitih (Ewal), Nogori (Waghhi) dan Dirgahayu Yang di-Pertuan Besar (Fitri).

Sembilan identiti Negeri Sembilan tersebut bukan sekadar untuk diketahui tetapi juga memberi impak kepada masyarakat.



Setahu ikhlas daripada



**YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun**  
Menteri Besar Negeri Sembilan  
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat  
Negeri Sembilan Darul Khusus